



2 Disember 2014
2 December 2014
P.U. (A) 322

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PINDAAN) (NO. 2) 2014

EXCISE (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PINDAAN) (NO. 2) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Eksais (Pindaan) (No. 2) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2014.

Bahagian baru XD

2. Peraturan-Peraturan Eksais 1977 [*P.U. (A) 161/1977*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian XC Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN XD

PENILAIAN BAGI MINUMAN BERALKOHOL DAN ROKOK BERDUTI YANG DIKILANGKAN
DI MALAYSIA OLEH PENGILANG BERLESEN

**Perkara yang
dikehendaki
bagi maksud
penilaian
minuman
beralkohol dan
rokok berduti.**

59R. (1) Bagi maksud penilaian minuman beralkohol dan rokok berduti, pengilang berlesen hendaklah mengemukakan butiran yang berhubungan dengan harga pasaran terbuka eksais bagi minuman beralkohol dan rokok berduti yang dikilangkan oleh pengilang berlesen dalam borang yang ditetapkan sebagai JKED No. 6 dalam Bahagian II Jadual Pertama.

(2) Pengilang berlesen hendaklah menyebabkan pemasar mengemukakan butiran yang berhubungan dengan minuman beralkohol dan rokok berduti yang dijual dalam borang yang ditetapkan sebagai borang JKED No. 7 dalam Bahagian II Jadual Pertama sekiranya—

- (a) maklumat yang dikemukakan oleh pengilang berlesen di bawah subperaturan (1) adalah tidak mencukupi bagi maksud penentuan harga pasaran terbuka eksais barang berduti yang dijual itu;
- (b) pemasar mempunyai pertalian dengan pengilang berlesen sebagaimana yang dinyatakan dalam borang JKED No. 7 pada masa barang berduti itu dijual kepada pemasar; atau
- (c) nilai urus niaga antara pemasar dan pengilang berlesen diragui oleh pegawai yang hak.”.

Pindaan Jadual Pertama

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Pertama—

- (a) dalam Bahagian II, dengan memasukkan selepas butiran 5 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

“Nombor Borang Perihal Borang

- 6. JKED No. 6 Borang Permohonan Harga Pasaran Terbuka Eksais bagi Minuman Beralkohol/Rokok Berduti
- 7. JKED No. 7 Borang Maklumat Kos Minuman Beralkohol/Rokok Berduti yang Dijual”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas borang JKED No. 5 borang-borang yang berikut:

“



JKED No. 6
PENGILANG BERLESEN/
LICENSED MANUFACTURER

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN HARGA PASARAN TERBUKA EKSAIS BAGI
MINUMAN BERALKOHOL/ROKOK BERDUTI

ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT
APPLICATION FORM OF EXCISE OPEN MARKET VALUE FOR THE DUTIABLE
ALCOHOLIC BEVERAGES/CIGARETTES

BAHAGIAN A – BUTIR-BUTIR SYARIKAT PART A – DETAILS OF COMPANY			
1.	Nama Syarikat :		
	<i>Name of Company</i>		
2.	No. Lesen Eksais :		
	<i>Excise Licence No.</i>		
3.	Tarikh Dilesenkan :		
	<i>Date Licensed</i>		
4.	Alamat Syarikat :		
	<i>Address of Company</i>		
4.1.	Kilang :		
	<i>Factory</i>		
4.2.	Pejabat :		
	<i>Office</i>		
5.	No. Telefon :	Pejabat:	Telefon Bimbit:
	<i>Telephone No.</i>	<i>Office</i>	<i>Handphone</i>
6.	No. Faks :		
	<i>Fax No.</i>		
7.	Alamat E-mel :		
	<i>E-mail Address</i>		

BAHAGIAN B – KOS BAGI PENGILANGAN BARANG BAGI SETIAP PRODUK
PART B – COST OF MANUFACTURING OF GOODS FOR EACH PRODUCT

Kod Produk :
Product Code

Jenama :
Brand

- | | |
|---|----------|
| 1. Bahan Mentah
<i>Raw Materials</i> | RM |
| 1.1. Kos Bahan Mentah
<i>Cost of Raw Materials</i> | RM |
| 1.2. Angkutan Masuk
<i>Carriage Inward</i> | RM |
| 1.3. Duti/Cukai
<i>Duty/Tax</i> | RM |
| 1.4. Lain-lain (sila nyatakan)
<i>Others (please specify)</i> | RM |
| 2. Kos Penukaran
<i>Conversion Costs</i> | RM |
| 2.1. Buruh Langsung/KWSP/PERKESO
<i>Direct Labour/EPF/SOCSO</i> | RM..... |
| 2.2. Susutnilai (mesin)
<i>Depreciation (machine)</i> | RM |
| 2.3. Perbelanjaan Kilang
<i>Factory Expenditure</i> | RM |
| 2.4. Utiliti
<i>Utility</i> | RM |
| 2.5. Royalti
<i>Royalty</i> | RM..... |
| 2.6. Lain-lain (sila nyatakan)
<i>Others (please specify)</i> | RM |